



# LAPORAN TAHUNAN

**WAD MELOR**



2  
0  
2  
4



HOSPITAL SUNGAI SIPUT  
JALAN FELDA LASAH  
31100 SUNGAI SIPUT (U)  
PERAK

# **PEDIATRIK**

## **HOSPITAL SUNGAI SIPUT**

### **1.0 Pengenalan**

Wad Melor merupakan wad kanak-kanak mengikut Polisi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyeragamkan semua wad pediatrik yang beroperasi di Hospital Neuklas di seluruh Malaysia. Terdapat 21 katil sediaada di wad Melor dan wad ini merupakan wad multi disiplin bagi pesakit kanak-kanak. Ia menempatkan pesakit kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan kebawah. Sebanyak 6 katil disediakan untuk Neonate dan 15 katil disediakan untuk pesakit Pediatrik.

Wad Melor terletak di bangunan utama Hospital Sungai Siput iaitu di pertengahan jalan utama di sebelah kanan . Wad Melor berkongsi bersama Wad Kenanga 3 dan Klinik Pakar.



**WAD MELOR, HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2024**

## **2.0. Visi, Misi Dan Objektif**

### **2.1 Visi**

Meningkatkan taraf kesihatan kanak-kanak menerusi perkhidmatan dan pendidikan kesihatan yang terbaik.

### **2.2 Misi**


Memberi perkhidmatan yang berkualiti, professional dan mengamalkan nilai-nilai murni serta memberi pendidikan kesihatan yang berterusan

### **2.3 Objektif**

Memastikan kanak-kanak dan juga bayi yang dimasukkan ke wad berada dalam persekitaran yang selamat dan terkawal semasa menerima rawatan



**CARTA ORGANISASI  
WAD MELOR  
HOSPITAL SUNGAI SIPUT**



#### **4.0 Perjawatan**

Kami sebagai anggota Wad Melor amat berbangga menjadi warga kerja dan sentiasa bersedia untuk memberi komitmen yang tinggi serta boleh dibanggakan. Kami Wad Melor terdiri daripada

##### **Ketua Jururawat U32**

1. Hasliza Abas.

##### **Jururawat U32 (TBK 1)**

1. Saliza Binti Othman
2. Khuzaimah Binti Hussin
3. Mariana Naslim Binti Mohd Lim
4. Sapiah Binti Ismail
5. Nurakma Binti Arippin
6. Roszila Binti Sabran

##### **Jururawat U29**

1. Noratikah Abd Majid
2. Khairul Adila Binti Khairul Faizin
3. Nor Farah Ana Binti Idris

##### **Jururawat Masyarakat U24**

1. Kalthum Binti Mustapha
2. Fazira Binti Kamaruddin
3. Rosyati Binti Mamat

##### **Jururawat Masyarakat U19**

1. Noorasmidar Binti Zulkifly

### **Pembantu Perawatan Kesihatan**

1. Norhanizan Binti Abd Rasid
2. Nabila Huda Binti Mohamed Sabri
3. Kamaliah Binti Kamarudin
4. Geetanjali A/P Manimaran
5. Halimatun Saadiah Binti Musa

Bagi meningkatkan kualiti serta kecekapan dikalangan anggota yang bertugas, sebahagian dari anggota telah menyambung pelajaran berkaitan bidang kejururawatan serta mengikuti kursus-kursus pos basik yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Diantaranya adalah seperti yang berikut.

### **Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan**

1. KJ Hasliza Binti Abas
2. JT Sapiiah Binti Ismail

### **Kebidanan:**

1. KJ Hasliza Binti Abas
2. JT Sapiiah Binti Ismail
3. JT Mariana Naslim Binti Mohd Lim

### **Pos Basik Pediatrik :**

1. KJ Hasliza Binti Abas
2. JT Saliza Binti Othman
3. JT Khuzaimah Binti Hussin
4. JT Norakma Binti Arippin
5. JT Nor Atikah Binti Ab Majid
6. JT Khairul Adila Binti Khairul Faizin

### **Pos Basik Neonate**

1. JT Nor Farah Ana Binti Idris

### Latihan Sangkut NICU/PICU

Selain daripada itu, anggota Wad Melor turut dihantar untuk latihan sangkut NICU/PICU bagi meningkatkan kemahiran anggota. Berikut adalah senarai anggota yang telah menjalani latihan sangkut NICU/PICU.

| BIL | NAMA ANGGOTA                       | TARIKH LATIHAN SANGKUT     |
|-----|------------------------------------|----------------------------|
| 1   | JT Roszila Binti Sabran            | 1/3/2023 hingga 31/3/2023  |
| 2   | JT Mariana Naslim Binti Mohd Lim   | 3/7/2023 hingga 30/7/2023  |
| 3   | JT Saliza Binti Othman             | 30/7/2023 hingga 27/8/2023 |
| 4   | JT Sapiah Binti Ismail             | 15/1/2024 hingga 10/2/2024 |
| 5   | JT Siti Norazian Binti Syed Mansor | 6/3/2023 Hingga 20/3/2024  |

## 5.0 Skop Perkhidmatan/ Fungsi Utama Unit

- i. Memberi kemudahan untuk penilaian, diagnosis, rawatan kejururawatan dan pemulihan bagi bayi yang baru lahir dan kanak-kanak hingga 12 tahun yang memerlukan rawatan institusi.
- ii. Memberi pendidikan kesihatan dan bimbingan kaunseling kepada kanak-kanak, ibubapa dan penjaga.
- iii. Mengambil spesimen darah bagi bayi dan kanak-kanak di wad serta dari Unit Pesakit Luar dan juga Jabatan Kecemasan.
- iv. Melakukan prosedur resusitasi dan lain-lain rawatan kecemasan bagi menyelamatkan bayi dan kanak-kanak yang kritikal.
- v. Memberi serta menjalankan perkhidmatan 24 jam bagi meningkatkan taraf kesihatan dikalangan kanak-kanak.
- vi. Menjalankan perkhidmatan pemeriksaan harian kes rujukan Neonatal Jaundice (NNJ) dari bayi dilahirkan sehingga berumur 1 bulan dari seluruh daerah Sungai Siput.
- vii. Memberi perkhidmatan rawatan ulangan bagi kes-kes tertentu yang dirujuk dari Jabatan Pesakit Luar atau Klinik Pakar Kanak-Kanak. Begitu juga bagi kes-kes yang discaj dari wad dan memerlukan pemeriksaan ulangan.
- vii. Memberi bantuan Deployment untuk lain-lain unit seperti Jabatan Kecemasan apabila diperlukan seperti melakukan prosedur suction serta pengambilan spesimen darah seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan. Selain dari itu Deployment turut dilakukan ke unit-unit lain yang lebih sibuk seperti yang diarahkan oleh KJ On Call.

## **6.0 Latihan Dalam Perkhidmatan**

### **6.0.1. Neonatal Resuscitation Program (NRP)**

Hospital Sungai Siput telah bekerjasama dengan Jabatan Pediatrik Hospital Raja Permaisuri Bainun bagi menganjurkan kursus NRP bagi melatih kakitangan Hospital Sungai Siput terutama di wad Pediatrik, Jabatan Kecemasan dan Dewan Bersalin didalam meningkatkan kemahiran terutama semasa menghadapi kes-kes kecemasan dikalangan bayi. JT Saliza Othman merupakan instructor program NRP bagi Hospital Sungai Siput.

#### **OBJEKTIF**

1. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota dalam rawatan resussitasi neonate bagi mengelakkan komplikasi
2. Menerapkan kemahiran berkenaan resusitasi neonatal yang betul di kalangan doktor dan paramedik
3. Mengetahui langkah-langkah dalam resusitasi serta membuat tindakan dan keputusan segera berasaskan penilaian keadaan neonatal semasa lahir
4. Mengenali peralatan dan ubatan yang digunakan dalam prosedur resusitasi neonatal.

#### **SASARAN PENYERTAAN KURSUS**

1. Penyertaan kursus ini adalah disasarkan kepada semua Pegawai Perubatan dan anggota Paramedik yang bertugas di Hospital dan juga dari Pejabat Kesihatan serta Klinik Kesihatan di seluruh daerah Kuala Kangsar.
2. Penyertaan anggota ini dipilih demi kepentingan perkhidmatan.
3. Penyertaan penceramah dan instruktur juga dipilih berdasarkan jawatan dan tanggungjawab yang digalas bagi memastikan sesi memenuhi kriteria yang ditetapkan.

### **6.02 Latihan Sangkut PICU/NICU**

Latihan sangkut merupakan latihan jangka pendek yang perlu diikuti oleh semua anggota wad pediatrik bagi meningkat kemahiran bagi memenuhi keperluan organisasi. mengikut Modul yang ditetapkan. Sehingga Disember Wad Melor masih belum mencapai KPI yang ditetapkan berikutankekangan anggota yang pergi berkursus Pos Basik dan KPSL



**KURSUS NRP 8<sup>TH</sup> EDITION BIL 1/2024  
DI HSS PADA 13 NOVEMBER DAN 14 NOVEMBER 2024**

**6.03 Basic Life Support Course (BLS)**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dikalangan kakitangan Hospital Sungai Siput di dalam menghadapi sebarang kes-kes kecemasan bagi menyelamatkan nyawa pesakit. Bagi tahun 2024 semua ketua unit telah dihantar untuk menjalani Program BLS

**6.04 SDG4 (Sustainable Development Goals)**

Melakukan notifikasi sekiranya berlaku kematian kanak-kanak dibawah 5 tahun bagi semua kes kematian Hospital ataupun BID di peringkat daerah dan juga negeri dengan melakukan pemantauan serta menjalankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengelakkan perkara tersebut berulang.

## 6.05. Keselamatan Bayi Dan Kanak-Kanak

### i. Drill Kod Pink

Drill “Kod Pink” perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun bertujuan untuk melatih kakitangan Wad Melor dan pengawal keselamatan yang bertugas demi memastikan keselamatan pesakit di wad terjamin sehingga pesakit discaj. Bagi tahun 2024 drill “Kod Pink” telah dijalankan 2 November 2024



### SEKITAR DRILL KOD PINK YANG DIJALANKAN PADA 10 OKTOBER 2024

### ii. Taklimat Keselamatan Bayi Kepada Pengawal Keselamatan Hospital.

Bagi memantapkan lagi keselamatan bayi di wad terjamin, taklimat dari masa ke semasa dijalankan kepada setiap pengawal keselamatan terutama yang bertugas di Pos E iaitu di pintu masuk wad Melor dan Kenanga 3. Taklimat kepada pengawal Keselamatan bertugas telah dijalankan dari masa ke semasa oleh KJ Hasliza Abas dan anggota dari Wad Melor.



### ANTARA SESI TAKLIMAT YANG DIJALANKAN

#### **6.06 SDG4 (Sustainable Development Goals)**

Melakukan notifikasi sekiranya berlaku kematian kanak-kanak dibawah 5 tahun bagi semua kes kematian Hospital ataupun BID di peringkat daerah dan juga negeri dengan melakukan pemantauan serta menjalankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengelakkan perkara tersebut berulang.

#### **6.07 Basic Life Support Course (BLS)**

Mengikuti BLS yang dianjurkan oleh Jabatan Kecemasan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dikalangan kakitangan Hospital Sungai Siput di dalam menghadapi sebarang kes-kes kecemasan bagi menyelamatkan nyawa pesakit.

#### **6.08 Program 'Refeeding' /Penyelaras Orang Asli**

Program ini telah dijalankan sejak tahun 2009 lagi sehingga kini. Ia bertujuan untuk merawat kes malnutrition dikalangan kanak-kanak orang asli terutama yang berumur 5 tahun dan kebawah.

Pesakit akan dinilai mengikut berat badan semasa dan dirujuk pegawai pemakanan untuk pemberian susu dan pesakit juga akan dirujuk ke Klinik Kesihatan/Pasukan Bergerak Orang Asli bagi mendapatkan bantuan bakul makanan.

Membekalkan kupon makanan pengiring serta barang keperluan harian untuk pesakit dan waris orang asli

Menjadi penyelaras dan bekerjasama dengan JKOA (Jabatan Kebajikan Dan Hal Ehwal Orang Asli) menjaga kebajikan pesakit Orang Asli sepanjang berada di wad dengan mengagihkan Kupon makanan untuk pengiring pesakit serta barang-barang keperluan harian mereka

Memastikan pesakit mendapat rawatan susulan mengikut tarikh yang telah ditetapkan

## **7.0 PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2024**

### **7.01 Penerimaan Aset Perubatan**

Pertambahan aset baru yang diperolehi bagi tahun 2024 adalah

- A. 2 buah lampu phototherapy bagi bayi NNJ
- B. 2 buah bassinet(baby cot)
- C. 2 buah katil berpagar



**PENERIMAAN 2 BUAH LAMPU PHOTOTHERAPY BAGI BAYI NNJ**



**PENERIMAAN 2 BUAH KATIL BERPAGAR UNTUK PESAKIT PEDIATRIK**

## **7.02 Projek Inovasi**

Projek inovasi Kejururawatan peringkat JKN sedang dijalankan dan beberapa anggota wad Melor juga turut terlibat.

**Nama Projek: MedicEZMove**

**Nama Kumpulan: SS Medicnovatorz Team**

**Ahli kumpulan:**

1. JT Khairul Adila Khairul Faizin(Ketua Kumpulan)
2. KJ Hasliza Abas.
3. KJ Vennee A/P Subramaniam
4. JT Jamilah Binti Jamaluddin
5. JT Noor Jahan Bebe Binti Abdul Wahab

### **Perlaksanaan Projek Sebelum Inovasi**

Sebelum inovasi diperkenalkan, semua ubatan didalam troli dihantar ke farmasi termasuk ubatan yang tidak memerlukan pesanan tambahan. Proses ini menyebabkan kelewatan untuk mendapatkan ubatan lain apabila pesakit memerlukan.

### **Selepas inovasi.**

Dengan penggunaan MedicEZMove ubatan yang tidak perlu diindent kekal tersedia di wad maka pemberian ubatan kepada pesakit dapat diberikan dengan segera. Proses penghantaran ubatan juga lebih fleksibel dan mudah terutamanya di wad dengan beban kerja yang lebih mudah.

### **Faedah- Faedah Perlaksanaan Projek**

1. Memastikan penyimpanan ubat lebih teratur
2. Mempercepatkan pemberian ubatan kepada pesakit terutama ubatan **STAT**
3. Memudahkan proses penghantaran ubatan ke Farmasi tanpa troli yang besar dan berat

### 7.03 **AKTIVITI AUDIT PENGURUSAN WAD DAN PENYELIAAN WAD**

Unit kejururawatan JKN Perak telah menjalankan audit penyeliaan wad di Hospital Sungai Siput. Beberapa penemuan dan penambahbaikan telah dilakukan sepanjang audit dijalankan



### **SEKITAR AUDIT PENYELIAAN KEJURURAWATAN DARI JKN PERAK PADA 23 OKTOBER 2024**

### 7.04 **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Hari penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang peringkat negeri telah diadakan setiap tahun sebagai menghargai khidmat yang telah diberi oleh setiap anggota. Bagi tahun 2024 tiada calon dari Wad Melor untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

## 8.0 **AKTIVITI**

### 8.01 **SAMBUTAN MAJLIS HARI JADI ANGGOTA**

Antara aktiviti yang dijalankan diantara kakitangan Wad Melor adalah seperti cabutan bertuah dan jamuan makan antara kakitangan bagi mengeratkan silaturrahim diantara semua kakitangan wad.

Selain daripada itu sambutan harijadi turut dirai dikalangan anggota wad. Selain daripada itu majlis berbuka puasa dikalangan anggota wad juga turut dijalankan.



**8.02 Bedside teaching/ CNE (Continous Nursing Education)**

Diantara topik yang diberi kepada ibu dan pesakit adalah seperti berikut:

- a. Tanda-tanda bahaya pada bayi bawah 1 bulan dan kanak-kanak bawah 5 tahun.
- b. Keselamatan bayi elak kemalangan di rumah. Contoh bilik air hendaklah sentiasa ditutup serta elak menyimpan air dalam baldi untuk elak anak lemas.
- c. Kepentingan susu ibu terutama 6 bulan pertama selepas kelahiran.
- d. Penjagaan bayi jaundice dan penjagaan ibu selepas bersalin.
- e. Bagi kanak-kanak yang berumur 2 tahun ke atas dan menyusu susu botol, ibu dan penjaga diberi penerangan berkaitan kebersihan botol dan penyediaan susu terutama bagi mengelakkan kejadian cirit-birit.



**SEBAHAGIAN DARI SESI BEDSIDE TEACHING DIJALANKAN SEPANJANG 2024**

### 8.03 User Training

Bagi meningkatkan taraf perkhidmatan kesihatan terutama untuk pesakit kanak-kanak, pada tahun 2024 Wad Melor telah menerima beberapa alat perubatan. Antaranya sebuah warmer, 3 buah fototerapi dan 3 buah katil berpagar.

Beberapa sesi user training juga turut dijalankan bagi meningkatkan kemahiran anggota dalam mengendalikan aset baru yang diperolehi serta aset sediaada



#### BEBERAPA SESI USER TRAINING YANG DIJALANKAN DI WAD OLEH PIHAK EDGENTA

### 8.04 SUDUT INFORMASI DAN SUDUT PENYUSUAN

Bagi meningkatkan kesedaran kepada orangramai tentang keutamaan keselamatan bayi dan kanak-kanak maka beberapa bunting telah dipamerkan dipersekitaran wad. Satu sudut penyusuan turut di sediakan di Wad bagi memudahkan ibu-ibu untuk menyusukan bayi dan ianya juga sebagai menyokong pengiktirafan Hospital sebagai Hospital rakan bayi.




#### PENYUSUNAN SEMULA BUNTING DI BEBERAPA SUDUT WAD MELOR UNTUK INFORMASI

### 8.05 AKTIVITI KECERIAAN WAD

Anggota Wad Melor dengan kerjasama pihak Edgenta telah menjalankan gotong royong bagi aktiviti keceriaan dengan menjalankan kerja-kerja mengecat dinding dan pembersihan wad.

#### SEBELUM



#### SELEPAS



Proses mengecat semula dinding wad dan susun atur semua sudut info wad

#### SEBELUM



#### SELEPAS



Melakukan susunan semula dan label yang baru bagi stok IV Drip Wad

#### SEBELUM



#### SELEPAS




Melakukan Penglabelan semula stok ubatan syrup dan penggantian bekas lama yang telah kotor

#### SEBELUM



#### SELEPAS




Penyusunan semula rak dan item alat bukan perubatan serta penggantian buku dokumentasi

## SEBELUM



## SELEPAS



Menyusun semula asset di rak yang disediakan bagi menjamin kebersihan dan keselamatan aset wad

## AKTIVITI KECERIAAN OLEH PIHAK EDGENTA DAN ANGGOTA WAD MELOR

### 8.06 Aktiviti Gotong Royong Di Peringkat Unit

Wad Melor telah berpindah ke unit modular berikutan projek **Decanting** yang sedang dijalankan bagi menaik taraf penghawa dingin Hospital Sungai Siput. Gotong royong pemindahan pesakit serta aset ke unit modular telah jalankan sendiri oleh anggota wad dengan bantuan staf Edgenta.



### GOTONG ROYONG PERPINDAHAN WAD


DARI UNIT MODULAR KE WAD MELOR BANGUNAN ASAL PADA BULAN OKTOBER 2024

### **8.07 PENGLIBATAN LAIN-LAIN AKTIVITI**

Anggota Wad Melor turut melibatkan diri dalam beberapa aktiviti yang dijalankan di peringkat Hospital Sungai Siput, JKN dan juga HRPB



**2<sup>ND</sup> PERAK NEONATAL NURSING WORKSHOP 2024 PADA 5 OKTOBER 2024**



**PERLAWANAN BOWLING ANJURAN MNA PERAK PADA 13 OKTOBER 2024**



**LAWATAN MNA KE HOSPITAL ANGKATAN TENTERA PADA 30 DISEMBER 2024**

## **MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN UNIT KEJURURAWATAN SEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT 2024**

Majlis makan malam anjuran unit kejururawatan bagi tahun 2024, wad Melor turut mengambil bahagian serta membuat persembahan pada majlis tersebut. Beberapa acara dan pertandingan turut diadakan



### **MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA HARI JURURAWAT PADA 31 MEI 2024**

#### **8.08 Masalah Dikenalpasti**

##### **1. Peralatan Perubatan**

Sebahagian peralatan telah usang dan terlalu lama serta kerap rosak. Antaranya Sebahagian aset yang usang juga tiada alat tukar ganti dan akan menimbulkan masalah apabila berlaku kerosakkan

##### **2. Kekurangan Tenaga Kerja**

Sebahagian jururawat Wad Melor masih muda dan merancang untuk peningkatan dalam kerjaya. Antaranya menyambung pengajian KPSL adan juga Pos Basik menyebabkan kekurangan kakitangan pada satu-satu masa. Sebahagian anggota dihantar untuk kursus Pos Basik yang memakan masa selama 1 tahun. 1 Jururawat telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan seorang anggota telah meninggal dunia pada 5 Oktober 2023 kerana masalah kesihatan.

## 10.0 Beban Kerja Dan Statistik Jabatan

|                                                       | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|-------------------------------------------------------|------|------|------|------|------|
| JUMLAH KEMASUKAN PESAKIT KE WAD                       | 932  | 888  | 1236 | 1174 | 1247 |
| JUMLAH PESAKIT DISCAJ DARI WAD                        | 878  | 770  | 1169 | 1064 | 1207 |
| JUMLAH PESAKIT YANG DIRUJUK KE HOSPITAL BERPAKAR      | 52   | 268  | 43   | 30   | 40   |
| JUMLAH PESAKIT YANG DIRUJUK MASUK KE WAD MELOR (HRPB) | 100  | 90   | 15   | 6    | 12   |
| JUMLAH KEMASUKKAN PESAKIT JAUNDIS                     | 238  | 151  | 221  | 187  | 175  |
| JUMLAH KEMASUKKAN PESAKIT AGE                         | 102  | 47   | 127  | 98   | 211  |
| JUMLAH KEMASUKKAN PESAKIT MALNUTRITION                | 11   | 6    | 13   | 5    | 3    |
| AMBULATORY                                            | 2557 | 789  | 948  | 1546 | 1434 |
| COVID19 POSITIF                                       | 0    | 221  | 54   | 0    | 7    |

Bagi tahun 2024 jumlah keseluruhan kemasukkan pesakit di wad adalah sebanyak 1247 orang, dimana terdapat sedikit peningkatan berbanding daripada tahun 2023 iaitu sebanyak 1174 orang.

Daripada 1247 jumlah kemasukkan pesakit pada tahun 2024 seramai 1207 telah discaj sepanjang tahun tersebut. Bagi tahun 2023 pula terdapat sedikit pengurangan dimana seramai 1174 pesakit kanak-kanak telah dimasukkan ke wad. Jumlah pesakit yang discaj dari wad pula adalah seramai 1064 pesakit.

Bagi kes-kes yang memerlukan rawatan lanjut atau perlu dirujuk ke Hospital berpakar iaitu Hospital Raja Permaisuri Bainun berlaku sedikit peningkatan iaitu seramai 40 orang bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023 seramai 30 orang sahaja. Pada tahun 2024 wad melor masih menerima kemasukkan pesakit kanak-kanak yang disahkan Covid19 positif dan sebanyak 7 kes telah dikesan dan dimasukkan ke wad bagi tahun 2024


Wad Melor juga menerima kemasukkan pesakit orang asli bagi menangani kes-kes kekurangan zat makanan dikalangan orang asli. Pada tahun 2023 Wad Melor menerima sebanyak 5 kes malnutrition berbanding hanya 3 kes sahaja bagi tahun 2024

Bagi kes-kes rujukan Neonatal Jaundice (NNJ) dari Klinik Kesihatan sekitar Sungai Siput dan Kuala Kangsar. Seramai 175 kes bayi NNJ dimasukkan ke wad bagi rawatan fototerapi dimana berlaku pengurangan kes berbanding dengan tahun 2023 sebanyak 387 kes. Bagi tahun 2022 pula Wad Melor menerima seramai 221 bayi NNJ.


Bagi kes Acute Gastro Enteritis(AGE) pula jumlah kemasukkan agak meningkat dimana terdapat 211 kes bagi tahun 2024 dan hanya 47 kes sahaja pada tahun 2021. Pada tahun 2022 kemasukkan kes AGE meningkat kepada 127 orang. Tahun 2023 pula sebanyak 102 kes.

Sehingga kini Wad Melor masih menerima kemasukkan kes Covid19 positif kanak-kanak. Pada tahun 2021 sebanyak 221 kes telah dimasukkan ke wad ini. Namun pada tahun 2022 jumlah kemasukkan telah menurun kepada 54 kes. Manakala bagi tahun 2024 hanya terdapat 7 kes sahaja

## **10.01 STATISTIK BAGI TAHUN 2024**




**RAJAH 1: JUMLAH KEMASUKKAN PESAKIT KE WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**




**RAJAH 2: JUMLAH PESAKIT DISCHARGE DARI WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**




**RAJAH 3: JUMLAH PESAKIT TRANSFER OUT DARI WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**




**RAJAH 4: JUMLAH PESAKIT STEPDOWN DARI WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**




**RAJAH 5: JUMLAH PESAKIT AMBULATORY WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**




**RAJAH 6: JUMLAH PESAKIT DAY CARE DI WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**



**RAJAH 7: JUMLAH KEMASUKKAN PESAKIT DENGGI KE WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**



**RAJAH 8 JUMLAH KEMASUKKAN BAYI NEONATAL JAUNDICE DI WAD MELOR DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**



**RAJAH 8 JUMLAH KEMASUKKAN BAYI NEONATAL JAUNDICE DI WAD MELOR DARI  
JANUARI HINGGA DISEMBER 2024**

#### **11.0 Pelan Tindakan Wad Melor Bagi Tahun 2025**

Diharap agar semua kakitangan Wad Melor dapat dihantar untuk mengikuti kursus Pos Basik Pediatrik bagi meningkatkan kemahiran dikalangan anggota didalam menangani kes-kes kecemasan bayi dan kanak-kanak. Disamping itu juga sekurang-kurangnya dapat mencapai KPI Pos Basik Pediatrik yang ditetapkan iaitu 85%.

#### **12.0 Kesimpulan**

Wad Melor menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dengan objektif memberi rawatan yang tepat dan cepat serta efektif bagi mempercepatkan proses penyembuhan pesakit kanak-kanak dan bayi, memberi informasi mengenai kesihatan serta perkara yang berkaitan dengan pesakit..Matlamat utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap serta berkesan selaras dengan keperluan kesihatan bagi menjalani kehidupan yang produktif dari segi ekonomi dan sosial.

Pelanggan ditakrifkan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan kesihatan di wad.

Disediakan Oleh:  
Hasliza Abas  
KJ U32  
Wad Melor ,Hospital Sungai Siput